




## NOTE TO INDUSTRY (NTI)

TOPIC <b>LANGKAH PENGAWALAN COVID-19 BAGI PREMIS PERNIAGAAN</b>			Nombor Rujukan 2021/NTI/18
Diluluskan Oleh: Chief Inspector (Industry)	Tarikh Terbitan: 08 Oktober 2021	Tarikh Luput: Tiada	Nombor Penyemakkan: 1

**Tujuan:** Notis ke Industri atau *Note to Industry* (NTI) ini memberikan panduan umum dan tindakan yang digalakkan bagi semua premis-premis perniagaan di Negara Brunei Darussalam dan sebagai peringatan umum untuk memastikan pematuhan terhadap Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

SHENA meminta kerjasama majikan dan pekerja yang terlibat dalam operasi premis-premis perniagaan, yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada bank, kedai runcit, pasar raya, farmasi, dan perniagaan lain yang menjual serta menyediakan bekalan dan perkhidmatan penting, untuk tetap tegas dalam pelaksanaan dan penyelenggaraan langkah-langkah kawalan COVID-19 dan keselamatan di tempat kerja serta sentiasa mematuhi arahan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Majikan mesti menilai bahaya yang mungkin terdedah kepada perkerja mereka, secara berkala menilai risiko pendedahan, dan memilih, melaksanakan, dan memastikan pekerja menggunakan kawalan yang sesuai untuk mengelakkan pendedahan kepada diri mereka sendiri dan juga pelanggan. Merujuk kepada Peraturan 4 dari Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pengurusan Risiko), 2014, terdapat pelbagai langkah pengendalian yang dapat dilaksanakan seperti penghapusan, penggantian, kawalan kejuruteraan, kawalan pentadbiran dan penggunaan alat pelindung diri (PPE). Ini dapat diterapkan dengan menggunakan hirarki kawalan bagi mengawal risiko COVID-19 mengikut kesesuaian kepada kegiatan premis perniagaan. (**Rajah 1**)



**Rajah 1: Hirarki kawalan Bahaya**

## 1) PENGHAPUSAN ATAU PENGGANTIAN

Risiko penularan melalui hubungan fizikal dapat dihapuskan atau diganti, misalnya:

- Pekerja yang perkerjaannya dapat dilakukan dari jarak jauh harus bekerja dari rumah (seperti kakitangan pejabat dan kakitangan sokongan yang tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti di tempat kerja, pekerja yang berisiko tinggi, wanita hamil, dan lain-lain.)
- Mempertimbangkan mesyuarat dan perjumpaan berkumpulan secara maya dan bukan secara fizikal. Gunakan teknologi komunikasi jarak jauh seperti perbincangan atas talian jika boleh;
- Arahkan pekerja yang sakit atau tidak sihat untuk bekerja di rumah tanpa pengecualian; dan
- Menawarkan pengambilan atau penghantaran tanpa kontak.

## 2) KAWALAN KEJURUTERAAN

Langkah-langkah ini mengubahsuai ruang kerja bagi mengurangkan kontak fizikal di antara kakitangan dan pelanggan seperti:

- Memasang penghadang plastik di semua kaunter perkhidmatan/ juruwang/ stesen kerja;
- Menanda lantai dan penghalang yang ketat jika perlu untuk menjaga penjarakan sosial dan untuk menunjukkan jalan masuk dan keluar;
- Pintu masuk dan keluar yang berasingan; dan
- Merangka semula kedudukan tempat duduk.

Kawalan kejuruteraan juga termasuk kawalan pengudaraan yang mencukupi di tempat kerja anda.

## 3) KAWALAN PENTADBIRAN

Ini termasuk polisi, peraturan dan prosedur untuk mendidik staf mengenai keselamatan di tempat kerja seperti:

- Memastikan syarikat atau organisasi anda mempunyai *Business Continuity Plan*;
- Pasang papan tanda yang relevan untuk menunjukkan pelaksanaan kawalan COVID-19 (iaitu kod QR BruHealth, peringatan penjarakkan sosial, pemakaian sungkup muka, dan lain-lain);
- Menilai langkah syarikat anda untuk mengurangkan COVID-19. Ini dapat dilakukan dengan mengisi dan menyemak soal selidik/senarai semak penilaian sendiri pada kawalan COVID-19. **(Sila rujuk 2021/NTI/11: *SHENA Workplace Assessment Checklist for COVID-19* di [www.shena.gov.bn](http://www.shena.gov.bn));**
- Menyediakan dan memastikan pekerja disediakan dan menggunakan bekalan untuk membersihkan dan membasmi kuman di permukaan kerja dan mengikuti semua prosedur kebersihan untuk tempat kerja;
- Bersihkan semua peralatan yang berpotensi terkena pencemaran secara berkala;
- Memastikan maklumat sah COVID-19 yang berkaitan dan diperolehi dari Kementerian Kesihatan dimaklumkan kepada pekerja;
- Melaksanakan pemeriksaan suhu badan bagi pekerja dan pelanggan;

- Waktu makan tengah hari yang berlainan, dan beralih waktu mula dan akhir syif untuk mengurangkan kesesakan di tempat kerja;
- Mengingatn kakitangan secara bergilir/sekelompok kakitangan sesuai dengan rancangan *Business Continuity Plan* anda;
- Menghadkan jumlah pelanggan yang dapat memasuki premis anda pada satu-satu masa;
- Pastikan polisi anda mendorong dan memudahkan pekerja untuk melaporkan masalah kesihatan atau keselamatan;
- Menggalakkan pekerja anda untuk menjalani ujian swab COVID-19 jika perlu, terutamanya jika mereka mempunyai kebimbangan bahawa mereka terdapat kontak dengan sesiapa yang dijangkiti COVID-19; dan
- Menggalakkan pekerja yang belum mendapat suntikan vaksin COVID-19 untuk membuat temu janji, memandangkan vaksinasi merupakan langkah berkesan untuk menghentikan penyebaran virus.

#### 4) ALAT PELINDUNG DIRI (PPE)

- PPE, seperti sungkup muka, pelindung muka dan sarung tangan, adalah pertahanan terakhir dalam kawalan keselamatan. PPE yang digunakan untuk mengurangkan pendedahan kepada COVID-19 mesti digunakan dengan betul agar berkesan. Oleh kerana kaedah ini adalah kawalan yang paling kurang berkesan, ianya adalah mustahak untuk menggunakannya bersama dengan kawalan-kawalan lain.
- Pastikan pekerja dan orang di tempat kerja diberikan PPE yang diperlukan sesuai dengan profil risiko operasi perniagaan anda.

SHENA meminta sokongan semua pihak yang berkepentingan dalam memastikan Brunei adalah tempat yang selamat untuk bekerja dan tinggal. Sekiranya penjelasan lebih lanjut diperlukan, sila emel [info@shena.gov.bn](mailto:info@shena.gov.bn).

**TAMAT**